



BERPULUH-PULUH kenderaan tenggelam akibat banjir kilat di Jalan Ipoh, semalam.

KL dilanda banjir kilat

B.H 4/3/09 MS33

Hampir semua jalan utama dinaiki air selepas hujan tiga jam



BERNAMA

JURURAWAT Klinik Ibu Mengandung dan Kanak-Kanak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Jalan Tun Ismail memindahkan rekod kesihatan akibat dinaiki air, semalam.

Oleh Hanisah Selamat dan Ifwan Tun Tuah
ifwan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kira-kira 40 orang terperangkap dalam bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan lebih 300 kenderaan ditenggelami air di sekitar ibu negara, manakala hampir semua jalan utama mengalami kesesakan teruk akibat banjir kilat, petang semalam.

Hujan lebat hampir tiga jam di ibu kota sejak jam 3 petang itu menyebabkan air di beberapa sungai terutama Sungai Gombak naik mendadak dan melimpah keluar di kebanyakan kawasan rendah.

Antara kawasan teruk dilanda banjir kilat yang bermula kira-kira jam 6 petang itu ialah Jalan Ipoh, Jalan Duta, Segambut, Jalan Kinabalu, Puduraya, PWTC, Bulatan Datuk Onn, Jalan Tun Ismail, Jalan Rahmat, Jalan Sentul dan Jalan Kasipillay.

Di PWTC, kira-kira 40 orang terperangkap di tingkat dua bangunan itu selepas bekalan elektrik serta jalan keluar terputus berikutan

air naik mendadak sehingga menenggelamkan tingkat bawah dan bawah tanah bangunan itu.

Pegawai Operasi Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) Wilayah Persekutuan, Shahrul Kamar Mohd Johari, berkata mangsa yang terpaksa bergelap dibawa keluar menggunakan dua bot.

Dalam pada itu, sekurangnya 200 kenderaan yang diletakkan di tempat letak kereta tingkat bawah bangunan sama turut ditenggelami air dan tidak dapat dibawa keluar.


Sementara itu, di Jalan Ipoh, sekurangnya 20 kenderaan yang diletakkan di kawasan itu selain beberapa baris kedai ditenggelami air yang melimpah dari Sungai Batu, sehingga menecah hampir dua meter.

FAKTA NOMBOR

300

kenderaan

ditenggelami air di sekitar ibu negara



BERNAMA

RIBUAN warga kota terperangkap dalam banjir kilat di Jalan Ipoh dan kawasan sekitarnya selepas hujan lebat hampir tiga jam, semalam.

Penolong Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur (Bahagian Operasi), Azizan Ismail, berkata Balai Bomba Sentul turut dinaiki air namun semua kenderaan dan peralatan tidak terjejas.

Beliau berkata, pihaknya menumpukan operasi di PWTC untuk membantu mengeluarkan mangsa yang terperangkap dan mengepam air keluar dari tempat letak kenderaan bawah tanah.

Banjir kilat turut menyebabkan perkhidmatan semua rangkaian LRT Kelana Jaya terjejas berikutan bekalan elektrik terputus kira-kira jam 6.00 petang. Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn Bhd (RapidKL) dilaporkan berkata,

perkhidmatan LRT akan terus tergendala sehingga bekalan elektrik pulih sepenuhnya.

Sementara itu, Pengurus Besar Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn Bhd (Smart), Mohd Fuad Kamal Ariffin, berkata Smart tiada kaitan dengan kejadian banjir kilat di Jalan Ipoh-Segambut memandangkan limpahan air adalah daripada Sungai Gombak.

Beliau berkata, sistem Smart yang beroperasi mengalirkan air banjir daripada Sungai Klang dan Ampang berfungsi seperti biasa semalam apabila lebih air kedua-dua sungai itu dilencongkan ke kolam tadahan Taman Desa kira-kira jam 5 petang.